

'Abah' lawat mangsa banjir

Ulm - 23/12/2020 m/6:3

Oleh ZAAIN ZIN
dan YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

RANTAU PANJANG: Lebih 100 mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi di sini semalam tidak menyangka menerima kunjungan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mereka yang ditemui memaklumkan selama ini hanya mengenali Perdana Menteri menerusi kaca televisyen tetapi semalam Muhyiddin yang juga dipanggil 'Abah' benar-benar muncul depan mata.

Suri rumah, Aminah Abdullah, 60, berkata, peluang bertemu 'Abah' sangat mengembirakannya sehingga kesedihan terpaksa meninggalkan rumah 'hilang'.

"Saya dan keluarga mula berpindah ke PPS SK Gual Tinggi sejak Sabtu lalu selepas kami diaman dinaiki air.

"Kegembiraan kami juga berganda apabila Menteri Besar kita, Ustaz Mat (Datuk Ahmad Yakob) mengiringi Perdana Menteri melawat kami," cerita Aminah ketika ditemui di PPS SK Gual Tinggi di sini semalam.

Muhyiddin menghabiskan masa kira-kira sejam di PPS tersebut. Beliau turut diiringi Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Dr. Aminuddin Hassim dan Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd. Amar.



TAN Sri Muhyiddin Yassin mengambil gambar dari udara ketika meninjau keadaan banjir di Kelantan dan Terengganu menaiki helikopter semalam. - GAMBAR IHSAN JABATAN PERDANA MENTERI

PPS SK Gual Tinggi menempatkan 147 mangsa banjir yang terdiri daripada 59 keluarga. Susulan gelombang kedua banjir yang melanda seminggu lalu, Kelantan kini membuka 13 PPS.

Setakat ini, mangsa banjir di Kelantan sebanyak 996 orang daripada 380 keluarga.

Sementara itu, Ahmad berkata, kerajaan negeri mengalu-alukan kehadiran Muhyiddin menerusi lawatan kerja

beliau sejak dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan.

Dalam lawatan sulung tersebut, kata beliau, antara yang dibangkitkan adalah harapan kerajaan negeri supaya kerajaan Pusat meluluskan fasa kedua projek pembinaan tebatan banjir bernilai RM1.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Fasa pertama projek tersebut dengan kos RM600 juta sudah diluluskan melibatkan Ran-

tau Panjang dan Tumpat. Projek itu sedang berjalan di Tumpat dan kita masih menunggu kelulusan untuk fasa kedua pula.

"Perdana Menteri minta kita kemukakan perkara ini dalam RMK-12 dan kita telah pun berbuat demikian. Kita harap sangat ia diluluskan kerana di sebelah Thailand sudah ada tebatan banjirnya sendiri. Lulus atau tidak (permohonan), wallahu 'alam," katanya.